

**TEKS UCAPAN  
YB MENTERI KERJA RAYA  
BAGI  
MAJLIS ANUGERAH  
PERKHIDMATAN CEMERLANG TAHUN 2012  
KEMENTERIAN KERJA RAYA**

TERIMA KASIH SAUDARA PENGACARA MAJLIS.

YB DATUK ROSNAH BINTI HJ ABDUL RASHID SHIRLIN  
TIMBALAN MENTERI KERJA RAYA

YBHG. DATUK HIMMAT SINGH  
KETUA SETIAUSAHA KEMENTERIAN KERJA RAYA

YBRS. ENCIK SARANI BIN DOLLAH  
TIMBALAN KETUA SETIAUSAHA (OPERASI)

YBHG. DATO' IR. MOHD NOOR BIN YAAKOB  
KETUA PENGARAH KERJA RAYA  
JABATAN KERJA RAYA MALAYSIA (JKR)

YBHG. DATO' SRI IR. DR. JUDIN BIN ABD KARIM  
KETUA EKSEKUTIF  
LEMBAGA PEMBANGUNAN INDUSTRI PEMBINAAN  
MALAYSIA (CIDB)

YBHG. DATO' IR. HAJI ISMAIL BIN MD SALLEH  
KETUA PENGARAH LEMBAGA LEBUHRAYA MALAYSIA  
(LLM)

ASSALAMUALAIKUM WBT

SELAMAT PAGI, SALAM SATU MALAYSIA DAN SALAM TRANSFORMASI.

DATO'-DATO', DATIN-DATIN, TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN SEKALIAN.

1. ALHAMDULILLAH, SAYA MEMANJATKAN SYUKUR KE HADRAT ALLAH SWT KERANA DENGAN LIMPAH KURNIA DAN IZIN-NYA, MAKA KITA DAPAT BERKUMPUL DAN BERSAMA-SAMA MENJAYAKAN MAJLIS PERHIMPUNAN BULANAN KEMENTERIAN KERJA RAYA UNTUK BULAN JUN 2013. PERHIMPUNAN INI ISTIMEWA KERANA IA DIJAYAKAN SERENTAK DENGAN MAJLIS ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG (APC) UNTUK TAHUN 2012 PERINGKAT KEMENTERIAN KERJA RAYA, JABATAN DAN AGENSI DI BAWAHNYA.

2. PELUANG UNTUK BERSAMA-SAMA KELUARGA BESAR KEMENTERIAN KERJA RAYA INI AMATLAH SAYA HARGAI. IA BEGITU PENTING DALAM USAHA KITA MEMBENTUK SINERGI DAN PASUKAN YANG MANTAP -- PASUKAN YANG INSYA-ALLAH, AKAN DAPAT MEMASTIKAN AGENDA, MISI DAN VISI KEMENTERIAN TERLAKSANA.

3. HAKIKATNYA, KEJAYAAN SESEBUAH ORGANISASI TIDAK BERGANTUNG HANYA KEPADA KEBOLEHAN SESEORANG INDIVIDU. SEBALIKNYA IA DIDORONG OLEH SIKAP PROFESIONALISME DAN KOMITMEN SETIAP SATU AHLINYA -- YANG SENTIASA BERUSAHA MENINGKATKAN KEBOLEHAN, MELUASKAN ILMU DAN MEMPERHEBAT KEMATANGAN DALAM MENANGANI TUGAS SEHARIAN. KERANA ITULAH KITA MEMERLUKAN KEPADA SINERGI INI. SINERGI YANG MERAIKAN KEPELBAGAIAN PEMIKIRAN, MENYATUKAN ANEKA KEMAHIRAN SERTA MENGHIMPUNKAN KERENCAMAN PENGALAMAN, UNTUK AKHIRNYA MEMFOKUS KEPADA HASIL YANG CEMERLANG.

TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN YANG DIKASIHI,

4. PADA PAGI INI KITA AKAN MERAIKAN 911 WARGA KEMENTERIAN INI YANG AKAN DIANUGERAHI ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG. IA SEBAGAI MENGHARGAI KECEMERLANGAN MEREKA DALAM MELAKSANAKAN TUGAS YANG DIGALAS. TAHNIAH DAN SYABAS.

5. SAYA BERHARAP DENGAN ANUGERAH INI, TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN AKAN BERASA DIHARGAI, DISAYANGI DAN SETERUSNYA MENJADI PENYUNTIK SEMANGAT UNTUK BEKERJA LEBIH GIGIH, LEBIH FOKUS DAN LEBIH KOMITED KEPADA TUGAS YANG DIAMANAHKAN SELEPAS INI. SAYA JUGA BERHARAP IA AKAN MENJADI PENDORONG DAN MOTIVASI KEPADA RAKAN-RAKAN LAIN -- UNTUK TURUT MENCAPAI KECEMERLANGAN SERUPA.

## **PERKEMBANGAN PROGRAM TRANSFORMASI NASIONAL**

HADIRIN YANG SAYA KASIHI,

6. SEPERTI YANG KITA KETAHUI, KERAJAAN TELAH MENGGERAKKAN INISIATIF UNTUK MENJADIKAN MALAYSIA SEBAGAI NEGARA MAJU BERPENDAPATAN TINGGI MENJELANG TAHUN 2020. ASPIRASI NASIONAL INI MEMERLUKAN KETERLIBATAN DAN KOMITMEN SEMUA PIHAK, BAIK KERAJAAN MAHUPUN SWASTA, RAKYAT TERBANYAK, PENJAWAT AWAM, SERTA SELURUH ANGGOTA PENTADBIRAN. SAYA, TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN TIDAK TERKECUALI. MASING-MASING KITA MEMILIKI PERANAN UNTUK MEMASTIKAN ASPIRASI INI TERCAPAI. PENINGKATAN PENDAPATAN BERMAKNA

PENINGKATAN TARAF HIDUP. DAN PENINGKATAN TARAF HIDUP AKAN MEMANDU KITA MENJADI SEBUAH NEGARA YANG DISEGANI DAN INSYA-ALLAH MENJADI ANTARA KUASA EKONOMI DUNIA.

7. TETAPI SEMUA INI TIDAK AKAN MENJADI KENYATAAN JIKA KITA TIDAK MEMILIKI BUDAYA KERJA YANG CEMERLANG. DALAM ERA LEDAKAN TEKNOLOGI MAKLUMAT HARI INI, KITA HARUS MEMILIKI SIKAP DAN BUDAYA UNTUK SENTIASA MEMANTAPKAN DIRI, MENINGKATKAN ILMU DAN MEMPERTAJAM KEMAHIRAN. PADA SETIAP MASA, KITA HARUS MEMASTIKAN SETIAP TUGASAN KITA AKAN MEMANDU KEPADA TRANSFORMASI GAYA HIDUP RAKYAT DARIPADA SUSAH KEPADA SENANG, DARIPADA SUKAR KEPADA SELESA DAN SEJAHTERA.

8. OLEH ITU TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN, PENTING UNTUK SETIAP SATU DARIPADA KITA MENJIWAI GAGASAN YAB PERDANA MENTERI: SATU MALAYSIA: RAKYAT DIDAHULUKAN, PENCAPAIAN DIUTAMAKAN. INI KERANA GAGASAN INILAH YANG KELAK AKAN MEMANDU DAN MENGERAKKAN KITA UNTUK MENJAYAKAN DASAR TRANSFORMASI NASIONAL -- SATU DASAR PENTING NEGARA YANG AKAN MENGUBAH KUALITI HIDUP

RAKYAT, MENAMBAH SUBUR EKONOMI NEGARA DAN MEMANTAPKUKUHKAN KEDUDUKAN KEWANGAN NEGARA.

9. PEMBENTANGAN KAD LAPORAN PENCAPAIAN PROGRAM TRANSFORMASI KERAJAAN (GTP) DAN PROGRAM TRANSFORMASI EKONOMI (ETP) BARU-BARU INI ADALAH MANIFESTASI KEJAYAAN DASAR TERSEBUT.

TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN WARGA KERJA RAYA YANG SAYA KASIHI,

10. SECARA PERBANDINGAN, PADA 3 TAHUN YANG LEPAS PENDAPATAN PER KAPITA NEGARA ADALAH RM18,000, TETAPI PADA TAHUN 2012, IA TELAH MENINGKAT KEPADA RM29,000. INI MENUNJUKKAN KITA BERADA DI ATAS LANDASAN YANG TEPAT UNTUK MENCAPAI STATUS NEGARA MAJU DENGAN PENDAPATAN PERKAPITA SEBANYAK RM 45,000 PADA TAHUN 2020.

11. KITA JUGA BERSYUKUR DENGAN KOS KEHIDUPAN YANG TERKAWAL SEPERTI DITUNJUKKAN OLEH KENAIKAN ANGKA TUNJUK INFLASI UNTUK BULAN JANUARI TAHUN INI IAITU 1.3 PERATUS. ANGKA INI JUGA BEGITU SINONIM DENGAN PENINGKATAN TARAF HIDUP RAKYAT MALAYSIA DENGAN INDIKATOR KADAR KEMISKINAN RELATIF YANG MENURUN KEPADA 1.7 PERATUS. IA JELAS MEMBUKTIKAN BAHAWA NEGARA BERADA DI LANDASAN YANG BETUL. DAN BUDAYA YANG BETUL INI AKAN MEMBIMBING KITA MENJADI SEBUAH NEGARA DAN KERAJAAN YANG DISEGANI.

### **PERANAN KKR DALAM SEKTOR PEMBINAAN**

12. DALAM KONTEKS KEMENTERIAN, SAYA YAKIN DAN PERCAYA, AGENDA SEDEMIKIAN TURUT MENJADI BUDAYA. KITA SEBENARNYA SEDANG MEMBANGUNKAN PERANAN SEBAGAI PEMAIN UTAMA UNTUK PENCAPAIAN AGENDA 2020 INI. KEMENTERIAN INILAH YANG AKAN MEMASTIKAN SEGALA INFRASTRUKTUR DAN PRASARANA NEGARA BERADA DALAM KEADAAN MANTAP DAN SEMPURNA MENJELANG TEMPOH ITU KELAK. SEHUBUNGAN ITU, SELAIN MEMPERKASA ILMU DAN MEMPERTAJAM KEMAHIRAN, SAYA MENYERU SETIAP ANGGOTA PENTADBIRAN DAN PETUGAS



PELBAGAI PERINGKAT DI KEMENTERIAN INI AGAR MENERAPKAN BUDAYA PEMIKIRAN BERTARAF GLOBAL SELAIN MEMANTAPKAN KOMPETENSI, INTEGRITI DAN AKAUNTABILITI AGAR KITA KELAK DAPAT MENJADI PEMAIN INDUSTRI BINAAN YANG DISEGANI DAN BERSAING DI PERINGKAT GLOBAL.

TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN,

13. SEKTOR PEMBINAAN TELAH MENYOKONG PERTUMBUHAN EKONOMI NEGARA SEPERTI YANG TERTERA DI DALAM RANCANGAN MALAYSIA KESEPULUH DAN PROGRAM TRANSFORMASI NASIONAL. PADA TAHUN 2013, SEBANYAK RM3.708 BILION TELAH DILULUSKAN UNTUK KKR MELAKSANAKAN 281 PROJEK. DARIPADA JUMLAH TERSEBUT, SEBANYAK RM2.505 BILION ATAU 67.6% TELAH DILULUSKAN UNTUK MEMBIAYAI 153 PROJEK SEDIA ADA (SAMBUNGAN) MANAKALA BAKINYA SEBANYAK RM1.203 BILION ATAU 32.4% BAGI MELAKSANAKAN 128 PROJEK BARU. SEHINGGA 26 MEI 2013, SEBANYAK RM782 JUTA ATAU 21.1% TELAH DIBELANJAKAN DAN PRESTASI INI DIJANGKA AKAN TERUS MENINGKAT SEHINGGA KE Hujung TAHUN 2013.

14. KEMENTERIAN JUGA AKAN TERUS MEMBERI PENEKANAN DALAM MENYEDIAKAN KEMUDAHAN JARINGAN LEBUHRAYA YANG EFEKTIF. PEMBANGUNAN LEBUHRAYA MAMPU MEMBERI KESAN BERGANDA DALAM MENARIK LEBIH BANYAK PROGRAM PEMBANGUNAN HARTANAH, PERINDUSTRIAN DAN PERBANDARAN YANG SECARA TIDAK LANGSUNG MEMBERI KESAN SIGNIFIKAN KEPADA MASYARAKAT SETEMPAT. UNTUK *ROLLING PLAN* KETIGA DI BAWAH RMKE-10, JEMAAH MENTERI TELAH MELULUSKAN PEMBINAAN DUA (2) LAGI LEBUHRAYA BARU IAITU LEBUHRAYA KUALA LUMPUR *OUTER RING ROAD* (KLORR) DAN LEBUHRAYA PESISIRAN PANTAI BARAT (TAIPING - BANTING) YANG DIJANGKA BERMULA PEMBINAAN PADA TAHUN 2014.

15. PADA MASA YANG SAMA KEMENTERIAN JUGA AKAN MENERUSKAN KERJA-KERJA MENAIK TARAF JALAN PAN BORNEO SEPANJANG 2,230 KILOMETER YANG MELIBATKAN LALUAN-LALUAN UTAMA DI SABAH DAN SARAWAK DENGAN PERUNTUKAN SEBANYAK RM423 JUTA BAGI TEMPOH TAHUN 2012 SEHINGGA 2015. BAGI MELAKSANAKAN PROGRAM NAIKTARAF JALAN PAN BORNEO INI, KEMENTERIAN DENGAN KERJASAMA JKR NEGERI SABAH DAN JKR NEGERI SARAWAK TELAH

MENGENAL PASTI 86 PROJEK DI NEGERI SABAH DAN 23 PROJEK DI NEGERI SARAWAK YANG MERANGKUMI PROJEK-PROJEK PEMULIHAN DAN NAIK TARAF JALAN, PROJEK PEMBINAAN LORONG-LORONG MEMOTONG, PROJEK-PROJEK KESELAMATAN JALANRAYA DAN RAWATAN *ACCIDENT BLACKSPOTS*, PEMBAIKAN CERUN DAN JUGA PEMBAIKAN JALAN-JALAN YANG SERING DITENGGELAMI BANJIR.

16. SEPERTI YANG KITA SEMUA SEDIA MAKLUM, KERAJAAN AMAT PRIHATIN AKAN KESEIMBANGAN PEMBANGUNAN INFRASTRUKTUR DI KAWASAN LUAR BANDAR. BARU-BARU INI YAB PERDANA MENTERI TELAH MENGUMUMKAN DUA PROJEK YANG AKAN DILAKSANAKAN DI NEGERI SARAWAK, IAITU MEMBINA JAMBATAN SUNGAI KANOWIT DAN MEMBINA JALAN SONG – NANGA YONG DENGAN JUMLAH KOS KESELURUHAN PROJEK BERJUMLAH RM400 JUTA. DENGAN TERBINANYA KEDUA-DUA BUAH PROJEK INI KELAK, IA AKAN BERFUNGSI UNTUK MENGHUBUNGKAN JALAN DARAT KE KAWASAN KAPIT, DI SAMPING MENGGALAKKAN PERTUMBUHAN EKONOMI DI KAWASAN SEKITARNYA.

## **PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB WARGA KKR KE ARAH PEMANTAPAN ORGANISASI**

HADIRIN YANG DIHORMATI SEKALIAN,

17. BERDASARKAN AMANAH DAN TANGGUNGJAWAB YANG BESAR MENANTI KITA, PADA KESEMPATAN INI, SAYA SEKALI LAGI MENYERU AGAR SELURUH WARGA KEMENTERIAN BERGERAK SEIRING DENGAN SAYA. MARILAH KITA MENTRANSFORMASIKAN CARA KITA BEKERJA, CARA KITA BERFIKIR, CARA KITA BERINTERAKSI DAN CARA KITA BERTINDAK AGAR SEIRING DENGAN KEHENDAK DAN KEADAAN SEMASA. KITA PERLU MENJADI AGEN PERUBAHAN YANG MENERAJUI TRANSFORMASI DALAM ORGANISASI. KERJASAMA, PERSEFAHAMAN DAN KEKUATAN KERJA BERPASUKAN ADALAH KUNCI UTAMA DALAM HAL INI. SEBAGAI AHLI DALAM ORGANISASI KITA HARUSLAH BERSEDIA UNTUK MEMIMPIN DAN DIPIMPIN, MEMBERI PANDANGAN SERTA SEDIA MENDENGAR PANDANGAN. SEBAGAI PEMIMPIN PULA KITA HARUSLAH SEDAR BAHAWA TANGGUNGJAWAB YANG DIAMANAHKAN ADALAH BERAT DAN BERKISAR KEPADA SOAL MEMBUAT

KEPUTUSAN YANG ADIL, DAN TEPAT, BERINTEGRITI SERTA MEMBERIKAN 'OUTCOME' YANG TERBAIK.

18. SAYA PERCAYA BAHAWA IA BOLEH DICAPAI JIKA KITA MENGAMALKAN BUDAYA 'TURUN PADANG' DAN 'MUSYAWARAH'. INI DAPAT MERAPATKAN LAGI JURANG DI ANTARA KETUA DAN ANAK-ANAK BUAH YANG MENJADI TULANG-BELAKANG DALAM MELAKSANAKAN TUGASAN SERTA MENGHASILKAN IDEA-IDEA YANG LEBIH BERNAS DAN TUNTAS DALAM MENYELESAIKAN MASALAH. SAYA JUGA MENYERU AGAR SETIAP SATU DARIPADA WARGA KEMENTERIAN MENJAYAKAN KREATIVITI DAN INOVASI DALAM SETIAP TUGASAN HARIAN. KITA HENDAKLAH BERFIKIR DI LUAR KOTAK, AGAR RUTIN KERJA SEHARIAN MENJADI SEMAKIN BAIK DARI HARI KE HARI. HASILNYA, KHIDMAT YANG DISEDIAKAN OLEH KITA SEBAGAI WARGA KKR AKAN KOMPETEN DAN SETANDING DENGAN PIHAK LUAR.

## **PENUTUP**

HADIRIN YANG DIHORMATI SEKALIAN,

19. SAYA BERHARAP BUDAYA KERJA CEMERLANG INI AKAN TERUS MENJADI WATAK DALAM SETIAP DIRI WARGA KKR. TIDAK SEMUA PEGAWAI CEMERLANG

DAPAT KITA BERIKAN PENGIKTIRAFAN KERANA KUOTA YANG DIPERUNTUKKAN SETIAP TAHUN HANYALAH 8 PERATUS DARIPADA JUMLAH KESELURUHAN. NAMUN SAYA MENETAPKAN KECEMERLANGAN WARGA KKR BUKAN SETAKAT PADA KELOMPOK 8 PERATUS INI SAHAJA. SAYA MENAGIH KECEMERLANGAN 100 PERATUS ATAUPUN DARIPADA SELURUH WARGA KKR. DAN PENGHARGAAN PADA TAHUN DEPAN ADALAH BERSANDARKAN "BEST OF THE BEST". INI YANG KITA MAHU. JUSTERU ITU, SAYA MENCABAR SETIAP WARGA KKR UNTUK MENCAPAI KPI INI.

20. IA BUKAN SESUATU YANG MUSTAHIL. IA BOLEH DICAPAI JIKA KITA MEMPERAT KERJASAMA BERPASUKAN, MEMANTAPKAN PERSEFAHAMAN DAN MENGGEMBLENGKAN TENAGA DAN ILTIZAM SELURUH WARGA KEMENTERIAN.

21. DENGAN CABARAN INI, SEKALI LAGI SAYA INGIN MENGUCAPKAN SYABAS DAN SETINGGI-TINGGI TAHNIAH KEPADA SEMUA PENERIMA ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG (APC) TAHUN 2012. TIDAK LUPA JUGA KEPADA URUS SETIA MAJLIS YANG TELAH BERTUNGKUS-LUMUS MEMASTIKAN MAJLIS INI DAPAT DIJAYAKAN DALAM KEADAAN YANG SEMPURNA.

SEKIAN, WABILLAHITAUFIK WALHIDAYAH  
WASSALAMUALAIKUM WARAHMATULLAHI  
WABARAKATUH.

TERIMA KASIH.